

17/12/1999

Tindakan pecat ahli belot hapus budaya buruk dalam Umno

Nazar Abdul

ESOK, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno dijangka membincangkan tindakan pemecatan terhadap ahli yang dilaporkan belot pada pilihan raya umum lalu. Langkah ini dianggap penting bagi memastikan Umno terus utuh dan tidak dikhianati ahlinya sendiri.

Tindakan belot terhadap parti bukanlah perkara baru kerana ia berlaku dalam mana-mana parti politik. Bagaimanapun ahli yang belot dalam Umno dikatakan agak ketara pada pilihan raya ke-10 lalu yang dikatakan antara punca Barisan Nasional (BN) kehilangan beberapa kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pemimpin dan ahli Umno yang tidak puas hati dengan pemilihan calon atau pemimpin tertentu dikatakan secara senyap-senyap menyokong calon parti pembangkang.

Akibat perbuatan itu, Umno kehilangan Terengganu serta beberapa kerusi di negeri-negeri lain. Selain itu, Umno juga gagal merampas kembali Kelantan.

Tindakan ahli Umno itu boleh dianggap sebagai satu kesalahan serius dan mengkhianati perjuangan parti dan bangsa. Mereka terbabit perlu dikenakan tindakan wajar.

Beberapa pemimpin Umno menyokong cadangan supaya MT mengambil tindakan terhadap mereka yang belot kepada parti. Mereka setuju ahli yang belot dipecat demi memelihara keutuhan parti.

Bekas Ahli Parlimen Yan, Datuk Badruddin Amiruldin menganggap pembelot adalah pemusnah masa depan parti. Mereka tidak seharusnya diberi tempat dalam Umno. Tindakan memecat ahli seperti ini perlu diambil bagi menghapuskan budaya buruk dalam Umno.

Bagaimanapun sebarang tindakan perlu dilakukan secara cermat setelah siasatan teliti dijalankan bagi memastikan tiada orang yang teraniaya.

Sebagaimana disarankan Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah segala fakta tuduhan terhadap ahli Umno yang dilaporkan belot perlu dihalusi untuk mendapat keputusan yang betul dan tepat.

Biasanya kumpulan yang belot mempunyai sebab tersendiri melakukan perbuatan yang memang merugikan parti. Mungkin tindakan mereka itu ada kaitan dengan pergeseran di dalam sesuatu kawasan atau tidak puas hati dengan pemilihan calon.

Dalam konteks ini, adalah wajar pucuk pimpinan parti mengkaji punca kejadian itu berlaku. Penyelesaian padai peringkat ini penting dan berkesan untuk memastikan perbuatan itu tidak berulang.

MT Umno sendiri sudah mempunyai Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin untuk menangani masalah ini dan akan mengkaji kes demi kes untuk dipertimbangkan sama ada seseorang ahli Umno yang dilaporkan belot wajar dikena tindakan tunjuk sebab atau dipecat berdasarkan fakta dan bukti yang dikumpulkan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno akan memutuskan perkara ini berdasarkan laporan dan cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini. Jika ada bukti yang cukup dan kukuh wajarlah tindakan pemecatan seseorang ahli parti disokong sepenuh demi keutuhan dan masa depan Umno.

(END)